

# *Ta'asub al-Madhab* dan Kesannya pada Perilaku Masyarakat Awam: Kajian Menurut Perspektif *Fiqh al-Islam*

**BITARA**Volume 3, Issue 3, 2020: 184-202  
© The Author(s) 2020  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [*Ta'asub al-Madhab* and Its Impact on Public Behavior: A Study According to the Perspective of *Fiqh al-Islam*]

Muhammad Sutrisno Syamsuir Fadhli Ananda Agussalim Taufiq Hidayat<sup>1</sup>  
& Mohd Afandi Awang Hamat<sup>1</sup>

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membahaskan tentang *Ta'asub al-Madhab* dan bentuk-bentuknya, sebab-sebabnya, hukum-hukumnya, dan contoh-contoh realistik yang memberikan kesan terhadap moral dan akhlak orang awam. Kajian ini menggunakan kaedah *Istiqrā'ī* (penyelidikan) dalam mengumpulkan data daripada sumber yang berkaitan dengan tajuk, serta menggunakan pendekatan atau kaedah *Taḥlīlī* (analisis) untuk mengkaji data-data yang ada dalam pandangan hukum fiqh Islam berkaitan dengan *Ta'asub Madhhab*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap *Ta'asub al-Madhab* berbahaya bagi orang awam yang menyebabkan banyak berlakunya perpecahan dan perselisihan di dalam masyarakat. Dalam kajian ini *Ta'asub* yang dipraktikkan terbahagi kepada sepuluh bentuk iaitu fanatik 'unsurī, agama, darjah atau tingkatan, Jantina, *madhhab*, Parti atau *Hizb*, etnik, pemikiran intelektual, kelompok sukan dan hubungan saudara. sebab-sebab *Ta'asub al-Madhab* adalah tidak mematuhi undang-undang Islam dan menyimpang daripadanya. *Ta'asub al-Madhab* merupakan perkara yang tidak dibenarkan, sehingga *Ta'asub al-Madhab* memberikan kesan yang sangat tidak baik terhadap moral dan akhlak orang awam, contohnya saling membanggakan antara imām dan madhhab masing-masing, mengkafirkan antara madhhab, mendirikan masjid-masjid kelompok sendirian, membuat riwayat-riwayat palsu dan penyimpangan berita, membakar buku-buku orang yang menyalah madhhab, sikap berlebihan dalam memuliakan para Imām al-Madhhab.

### Kata kunci:

Ta'sub, orang awam, madhhab, ilmu, pendidikan.

### Abstract

This study aims to define the *Ta'asub al-Madhab* in terms of its forms, causes, laws, and realistic examples that give an impression of the universal moral and moral of the ordinary people. This study uses the *Istiqrā'ī* method in collecting data from sources related to the topic, its also uses the *Taḥlīlī* (analysis) approach to examine data that is in the view of Islamic law in regard to the *Ta'asub al-Madhhab*. The result of the study shows that the attitude of *Ta'asub al-Madhhab* is dangerous for common people, as it causes a lot of dissensions and strives in the society. In this study *Ta'asub* is practiced tracing ten forms, namely fanatical elements, religion, darjah or level, gender, madhhab (school of thought), *Hizb* (party), ethnicity, intellectual thought, sports groups and sibling relations. *Ta'asub Madhhab* rooted in disobedience of Islamic laws and deviating from them. *Ta'asub al-Madhhab*

<sup>1</sup> Department of Fiqh and Usul la-Fiqh, International Islamic University, Selangor, Malaysia.

### Corresponding Author:

Mohd Afandi Awang Hamat, Department of Fiqh and Usul la-Fiqh, International Islamic University, Malaysia 53100 Jalan Gombak Kuala Lumpur MALAYSIA.  
E-mail: mohdaffandi@iiu.edu.my

is prohibited since it gives a bad impact on the universal moral and ethics of the common people, in the forms of boasting the Imām (priest) and the madhhab, disbelieving other schools of thought, establishing group mosques, making false historic tales and distortion of the news, burning books of other parties who oppose his own madhhab, and excessive attitude in glorifying the Imām (priests).

**Keywords:**

Ta'sub, common people, madhhab, science, education

**Cite This Article:**

Muhammad Sutrisno Syamsuir Fadhli Ananda Agussalim Taufiq Hidayat & Mohd Afandi Awang Hamat. 2020. Ta'asub al-madhhab dan kesannya pada perilaku masyarakat awam: Kajian menurut perspektif fiqh al-Islam. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences 3(3): 184-202.

## Pengenalan

*Ta'asub al-Madhhab* adalah pakaian lama yang dipakai oleh kebanyakan orang awam dengan warna baru pada hari ini, dan ia tidak ubah seperti sesumpah yang boleh berpindah dari satu keadaan kepada keadaan yang lain, mengikut warna tempat yang ia hinggapi, ia berubah menjadi hijau di tempat yang hijau, kuning di tempat yang kuning, biru di tempat yang biru, merah di tempat yang merah, dan begitulah seterusnya. Sesiapa yang melihatnya akan terpesona, dan mengagumi pelbagai warnanya, tanpa dia merasai bahawa ia sedang melihat fatamorgana dari kejauhan, namun setelah dia mendekati dan melihatnya dengan teliti, dia mendapati dirinya dalam keadaan tertipu. Beginilah *Ta'asub al-Madhhab* jika dipakai oleh sekelompok manusia. Pasti akan ada yang tertipu oleh bentuk dan warnanya yang sentiasa berubah di sepanjang masa. sebenarnya ia tidaklah menambah keindahan pada sesuatu dan tidak pula menambah kebaikan, sebaliknya ia hanya menambah keburukan dan fitnah, *na'uzubillah minzālik*. *Ta'asub al-Madhhab* ini seperti penyakit yang menjangkiti orang awam seperti warna sesesumpah yang boleh berubah-ubah, memperlihatkan kepada orang yang sedang menengoknya pelbagai macam warna, akan tetapi penyakit itu membuat moral mereka lebih teruk, *mu'āmalah* mereka menjadi tidak baik dan akhirnya menjadikan agama mereka dilihat cacat. Mengapa demikian? kerana sikap *Ta'asub al-Madhhab* itu adalah suatu perbuatan yang menolak kebenaran walaupun sudah jelas dalilnya, dan terkadang ia mengajak pelakunya kepada tindakan yang diingkari oleh *Sharī'ah* Islam. Sikap *Ta'asub Madhhab* sangat bertentangan dengan *Sharī'ah* Islam yang mengajak untuk bersikap *wasatīyyah*, berakhlak mulia, penuh kasih sayang, *mu'āmalah* yang baik tanpa *ifrāt* dan *tafrīt*.

Lebih-lebih lagi, jika orang awam yang *Ta'asub al-Madhhab*, maka mereka akan membuat segala cara dan motif untuk menyokong *madhhab* mereka, dan yang lebih daripada itu, mereka berpegang teguh kepadanya, walaupun sudah jelas kepada mereka kebenaran, sedang mereka menyangka bahawa mereka telah melakukan kebaikan.

*Ta'asub al-Madhhab* adalah satu penyakit yang telah lama dialami oleh umat Islam, dan realitinya hari ini tidak sama seperti sebelumnya, dan mungkin realitinya selalu berubah di hari esok, kerana ia boleh berubah-ubah mengikut perkembangan zaman. Hari ini kita mendapati bahawa sebahagian daripada mereka hanya solat di masjid-masjid golongan mereka sahaja, dan mereka lebih gemar mendengar ilmu-ilmu dari ustaz-ustaz atau '*ālim ulamā'* mereka, dan mereka menisbahkan kebaikan dan *manhāj* yang *ṣaḥīḥ* hanya kepada golongan dan puak

mereka sahaja. Maka seringkali kita dengar istilah-istilah yang baru seperti masjid Sunnah, ustaz sunnah, ataupun istilah yang lainnya, semua ini tak lain adalah bentuk warna baru dari *Ta'asub al-Madhab* yang terjadi di zaman kita sekarang.

Maka Peranan penting seorang *ulamā'* terhadap permasalahan ini adalah membetulkan kesalahan-kesalahan yang terjadi dan mengubatinya berdasarkan kemampuannya dari ilmu *Shari'ah* yang telah dia miliki, dan mengekalkan nasihat dengan sentiasa menjelaskan yang benar, membetulkan yang salah dengan hikmah dan tazkirah yang santun dan berhikmah. Kemudian bagi para penuntut ilmu *Shari'ah* harus mendalami ilmu agama dengan bersungguh-sungguh sebagai gerbang ilmu pengetahuan dan mempunyai kemampuan yang mantap bagi memahami pelbagai masalah di sekeliling, supaya sifat-sifat *Ta'asub al-Madhab* ini tidak melekat kepada diri mereka sendiri jika ilmu agama itu difahami secara benar dan jujur. Bagi para guru dan *'ālim ulamā'* pulak, mereka harus bekerjasama dalam mendidik anak-anak mereka dari usia muda dalam mengajarkan pendidikan Islam sehingga mereka tidak memiliki ruang untuk mendapat penyakit *Ta'asub al-Madhab* dalam kemantapan ilmiah mereka di masa depan.

Disini pengkaji menyeru untuk mengenali bentuk-bentuk *Ta'asub al-Madhab* yang realistik yang mungkin terjadi, untuk menggambarkan kepada kita bagaimana akhlak dan sikap orang awam serta orang-orang yang *ta'asub* menurut *fiqh al-Islam*.

## Definisi *Ta'asub al-Madhab*

*Ta'asub* dalam bahasa diambil dari kata "*al-'asabiyyah*" yang bermakna seseorang yang menyeru untuk menyokong golongannya atau kelompoknya bagi melawan sesiapa yang menentang mereka, walaupun mereka berbuat zalim ataupun dizalimi. Ini seperti ungkapan: "Kami *ta'asub* kepadanya dengan menolongnya, baik dalam keadaan benar ataupun salah" (Ibn manzur 1414).

Adapun *ta'asub* dalam terminologi adalah kecenderungan partisan terhadap sesuatu, idea, prinsip, kepercayaan atau orang, apakah berpihak kepadanya atau berlawanan. Makna positif daripada *ta'asub* terhadap sesuatu adalah menyokong dan membantu serta mempertahankannya sesuatu yang benar. Sedangkan Makna negatif daripada sikap *ta'asub* atas sesuatu ialah sikap berlawanan dan menentang walaupun kebenaran. Kadang kala, makna positif dan negatif saling bertemu di dalam sikap *ta'asub* sehingga memperlihatkan tindakan kurang pertimbangan dan semangat yang berkobar secara bersamaan. Walau bagaimanapun, makna *ta'asub* dalam pandangan kebanyakan orang lebih cenderung ke arah negatifnya, kerana *ta'asub* pada dasarnya adalah pandangan negatif terhadap orang lain. Dan Orang yang fanatik cenderung merendahkan dan meremehkan orang lain, bahkan lebih daripada itu, cenderung untuk mengesahkan kelebihan mereka sendiri demi memperoleh keuntungan peribadi.

Adapun *madhab* dalam bahasa, berasal dari kata (*dhāhābā*), *dhahāban*, *wa zuhūban*, *wamadhaban*, *fa huwā dhāhibun*, bermakna pergi atau berlalu, dan *azālahu* sama dengan *adhabahū* yang bermakna menghilangkan atau melenyapkan. Kata *madhab* pula bererti kepercayaan yang diyakini, jalan atau asal sesuatu (Abādī 2005).

Selanjutnya, secara terminologi, menurut Sheikh Ahmad Nahrāwī definisi *madhab* di kalangan ahli *tasyrī'* ialah kumpulan pendapat mujtahid dalam ketetapan hukum, yang diambil

dari keterangan yang terperinci, berdasarkan kaedah-kaedah dan usul yang berasas dan saling berkaitan, dan menjadikannya unit yang diselaraskan (Aḥmad Nahrāwī 1988).

Berdasarkan huraian di atas, fanatisme madhhab ialah sikap *ghulūw* yang berlebihan dalam menyokong pendapat *mujtahīd* atau imām dalam ketetapan hukum yang diambil dari keterangan yang terperinci berdasarkan kaedah-kaedah dan *uṣūl* yang berasas dan saling berkaitan, dan menjadikannya unit yang diselaraskan tanpa alasan atau *dalīl* yang tepat. Apabila seseorang mengatakan bahawa hanya *madhhab* yang dia ikuti sahaja yang betul dan *madhhab* yang lain adalah salah, memusuhi, membid'ahkan, dan menyesatkan pendapat yang menyalahi pendapatnya maka fanatisme *madhhab* ini boleh menyebabkan pergaduhan dalam persatuan ummat, dan saling membela *madhhab* apabila terjadi konflik, serta melanggar *nuṣūṣ-nuṣūṣ sharī'ah* yang *ṣahīḥ* dan jelas kerana sikap fanatisme terhadap *madhhabnya* (Ibrāhīm 2017).

## Bentuk-bentuk Fanatisme

Berdasarkan rujukan-rujukan dan sumber-sumber yang diperolehi dalam kajian ini, terdapat beberapa bentuk fanatisme iaitu sebagai berikut.

### Fanatik 'Unsurī

Fanatik unsurī ialah sifat fanatik yang kewujudannya disahkan dalam Al-Qur'ān. Ketika mana *Syaitān* menjawab keengganannya untuk bersujud kepada Nabi Adam as, Allah SWT berfirman:

﴿قَالَ مَا مَنَّكَ إِلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ﴾

Maksudnya: apa yang menghalang kamu daripada sujud ketika saya memerintahkanmu? (*al-Qur'ān: Sūrah al-'Arāf* 7: 12).

Allah SWT bertanya kepada *Iblīs*, apa yang menghalang kamu daripada sujud kepada adam ketika saya memerintahkan kamu?, *Syaitān* lantas menjawab:

﴿قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِنْهُ خَلَقْتَنِي مِنْ نَارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ﴾

Maksudnya: Saya lebih baik daripada dia, kamu telah menciptakan saya dari api sedangkan kamu menciptakannya dari tanah" (*al-Qur'ān: Sūrah al-'Arāf* 7: 12).

*Syaitān* mendakwa bahawa unsur api adalah lebih baik daripada unsur tanah liat. *Syaitān* beranggapan bahawa perintah sujud kepada nabi Adam AS adalah penghinaan. Oleh itu, *Iblīs* tergolong di dalam golongan fanatik 'unsurī yang takkan dilupakan oleh sejarah selamanya. Kemudian *Syaitān* pun menegakkankan bendera permusuhan terhadap nabi Adam AS dan anak cucu keturunannya sepanjang hayatnya sehingga Hari Kiamat, sehingga dia

terjerumus dalam kebinasaan yang Allah SWT tetapkan baginya untuk selamanya. Allah berfirman kepadanya:

﴿قَالَ فَاهْبِطْ مِنْهَا فَمَا يَكُونُ لَكَ أَنْ تَتَكَبَّرَ فِيهَا فَاخْرُجْ إِنَّكَ مِنَ الصَّاغِرِينَ﴾

Maksudnya: keluarlah engkau dari syurga itu, kerana ia tidaklah patut bagimu untuk bersikap sombong di dalamnya, dan keluarlah, sesungguhnya engkau termasuk orang-orang yang hina (al- *Qur'ān: Sūrah al- 'Arāf*7: 13).

## Fanatik Agama

Fanatik agama ialah istilah untuk menggambarkan diskriminasi terhadap agama. Sikap fanatik yang mendorong seseorang untuk membela agama dan keyakinannya atau tidak bertoleransi terhadap kepercayaan agama dan keyakinan orang yang lain. fanatisme agama juga boleh diertikan sebagai pengakuan kehebatan suatu golongan agama ke atas golongan agama yang lain.

Pemahaman itu bersifat positif pada seseorang itu kerana terkait dengan aplikasinya dalam kehidupan seharian. Sesuai dengan keadaan agama itu yang sama sekali tidak mengajarkan penganutnya kekerasan, peperangan, dan permusuhan. Oleh itu, dalam hal ini fanatik kepada kebenaran atau mempertahankan agama Islam khususnya daripada dirosakkan adalah sikap yang baik (Khādir 2017).

Fanatisme *madhhab* yang negatif bertentangan dengan Islam disebabkan kesan negatif yang ditimbulkan oleh fanatisme *madhhab* tersebut, fanatisme yang negatif adalah ajaran Jahiliyyah (Adi Suhara 2016).

## Fanatik Darjah Atau Tingkatan

Fanatik darjat atau tingkatan ialah manifestasi keengganan golongan kaya untuk mengambil bahagian dalam golongan yang lebih rendah di kawasan kejiranan itu sendiri. Termasuk keengganan untuk memberikan kesempatan bagi mereka yang ingin bergabung bersama golongan kaya, dalam bidang sosial, budaya, rekreasi, dan organisasi. Kadang kala, fanatik tingkatan ini diterapkan oleh pelbagai lembaga pendidikan dalam penerimaan pelajar atau murid-murid, sehingga golongan yang lebih rendah hanya dapat memilih sekolah dengan kos murah untuk anak mereka. Sebagaimana yang terjadi di dalam kehidupan sebahagian masyarakat hari ini, sebahagian universiti menawarkan yuran pengajian yang tinggi sehingga seakan-akan terhad untuk golongan kaya sahaja. Keadaan seperti ini memaksa orang miskin untuk menghantar anak mereka ke sekolah atau universiti dengan kos yang lebih murah. Oleh itu, sijil pendidikan menjadi simbol golongan yang mengesahkan kedudukan asal dan taraf sosialnya (Haiwa haji 2008).

## **Fanatik Jantina**

Fanatik jantina adalah salah satu bentuk fanatik yang terkenal. Fanatik jantina memiliki dua jenis kecenderungan. Pertama, sikap tidak bertoleransi terhadap wanita. Kedua, sikap tidak bertoleransi terhadap lelaki. Walau bagaimanapun, sikap yang pertama mendapat lebih banyak perhatian daripada pengkaji dalam bidang psikologi sosial. Fanatisme jantina kebiasaannya difahami sebagai sikap dan pandangan negatif terhadap wanita. Fanatisme ini melibatkan stereotaip yang salah, perasaan paksaan, kebencian, tindakan dan tingkah laku yang diskriminasi yang diwujudkan dalam bentuk perangai yang membeza-bezakan jantina termasuk dalam aspek kerja, pendidikan, politik, social dan sebagainya (Haiwa haji 2008).

## **Fanatik Hubungan Saudara**

Fanatik hubungan saudara ialah fenomena perselisihan persaudaraan (kronisme) yang memaksa individu, dalam satu kumpulan persaudaraan, menyokong satu sama lain dalam situasi tertekan yang diwarnai dengan tabiat persekitaran yang keras. Dalam persekitaran sedemikian, saudaramara menetapkan perjanjian yang mewajibkan mereka untuk saling membantu antara satu sama lain dalam menghadapi kumpulan lain. Keadaan ini mewujudkan harapan yang kuat bagi mereka bahawa mereka akan mendapat sokongan dan bantuan daripada sanak saudara apabila diperlukan, terutamanya semasa terjadi konflik atau peperangan dengan kumpulan lain. Dengan demikian, setiap individu mendapat sokongan daripada anggota masyarakat atau saudaranya tanpa mengira sebab-sebab atau sejauh mana haknya dalam konflik itu (Haiwa haji 2008).

## **Fanatik Kelompok Sukan**

Fanatisme sukan ini mempunyai banyak bentuk, termasuk kecenderungan untuk menggalakkan kumpulan sukan. Mereka memiliki kepercayaan bahawa mereka adalah kumpulan terbaik daripada kelab-kelab lain. Selain itu, mereka mengutamakan orang-orang yang mengambil bahagian dalam memberikan sokongan terhadap kelabnya sahaja (Haiwa haji 2008). Fanatisme sukan ialah kecenderungan yang berlebihan daripada satu kumpulan dengan mengorbankan prinsip dan nilai. Contohnya, jika seseorang individu termasuk dalam satu suku atau kumpulan sukan, maka individu tersebut akan setia kepada kelompoknya dan sanggup bermusuhan dengan yang lain demi membela kelompok tersebut. Individu tersebut akan meminati apa yang diminati kelabnya dan membenci apa yang mereka benci. Dia akan berperanan aktif dalam membelanya berkaitan hal yang bersangkutan paut dengan kelabnya, walaupun ia membela dalam keadaan yang salah ('Iyārd Aḥmad 2016).

## **Fanatik Pemikiran Intelektual**

Fanatik pemikiran intelektual adalah menolak pemikiran orang lain, tidak menerima dan mendengarnya, meninggalkan rasa keadilan dalam menilainya, bersikap tidak bertolak ansur dalam menghadapinya, mengkritiknya dengan imej yang keji, mewujudkan imej tertentu untuk pemikiran orang lain, dicemari dengan banyak kesalahan dan ketidaktepatan, kerana jiwanya

sudah dipenuhi dengan sikap fanatisme. fanatik pemikiran intelektual ini merupakan keahlisan untuk mempertahankan prasangka dalam fikiran tanpa menerima apa-apa pertimbangan atau pendapat yang bertentangan dengannya (al-Mushārik 2012).

## Fanatik Etnik

Fanatik etnik atau yang dikenali sebagai fanatik kaum adalah manifestasi fanatisme dalam tamadun manusia yang merupakan bentuk tidak menerima etnik orang lain dan bersikap fanatik dalam mempertahankan etniknya tanpa menerima orang-orang yang tidak bersetuju dengannya. Perbezaan etnik mempunyai hal yang positif, diantaranya adalah menguatkan semangat kesetiaan dan kecenderungan nasionalisme. Walaupun demikiann, pada masa yang sama, fanatisme etnik mempunyai kelemahan dan sisi negatif yang bahaya dan serius. Biasanya ia akan menyebabkan terhalangnya semangat perubahan atau pembaharuan yang membawa banyak kebaikan. Selain itu, sisi negatif fanatisme etnik ini juga akan menghalang sikap kreatif masyarakat dalam membentuk inovasi yang terdapat dalam peradaban etnik yang lain yang mungkin membantu penyelesaian masalah yang berlaku. Fanatik etnik ini juga menyebabkan kemiskinan budaya dan kegagalan untuk mendapatkan sumber pengetahuan, pertukaran, dan percambahan fikiran dengan orang lain (Haiwa haji 2008).

## Fanatik Parti atau *Ta'asub Hizb*

Dr. Ziyārd Barakah mendefinisikan intoleransi parti sebagai sikap fanatik individu kepada suatu kumpulan yang diikutinya, membela partinya baik dalam keadaan salah ataupun betul. Fanatik parti ditunjukkan dengan memberikan sifat kesucian pada kumpulannya itu dengan menyebut-nyebut kelebihan, kebajikannya, dan membanggakannya di hadapan kumpulan lain, dan menunjukkan keburukan dan 'aib daripada kumpulan lain (al-Mushārik 2012). Seperti yang diketahui dalam sejarah, berlakunya fanatisme parti, seperti sikap fanatik Khawārij terhadap kelompoknya dan permusuhan mereka terhadap para sahabat Rasulullah radiyallahu anhum ajmaīn.

## Fanatik Madhhab

Fanatik *madhhab* iaitu, sikap *ghulūw* yang berlebihan dalam menyokong pendapat *mujtahid* dalam ketetapan hukum, yang diambil dari keterangan yang terperinci berdasarkan kaedah-kaedah dan *uṣūl* yang berasas dan saling berkaitan, dan menjadikannya unit yang diselaraskan tanpa alasan dalil yang tepat dan benar. Fanatisme ini memiliki pemikiran bahawa *madhhab* yang mereka ikuti ialah satu-satunya *madhhab* yang betul sehingga memusuhi, membid'ahkan, dan menyekat pendapat yang menyelisihinya. Fanatisme *madhhab* ini boleh menyebabkan pergaduhan dalam persatuan ummat, menghakimi dengan *madhhab* apabila terjadi konflik, dan melanggar *nuṣūs- nuṣūs sharī'ah* yang *saḥīh*. Dan Inilah objek penyelidikan yang diteliti oleh penyelidik melalui kajian ini.

Oleh itu, toleransi dalam bermadhhab benar-benar diperlukan dalam rangka mewujudkan keselarasan dalam keagamaan (Arīf Alwasīm 2018).

## Permulaan dan Kemunculan Fanatisme Madhhab dalam Sejarah Islam

Berbagai persoalan baru banyak terjadi pada zaman para sahabat Nabi ﷺ semenjak beliau wafat. Sekiranya mereka tidak mengetahui nass dari dua sumber utama (Al-Qur'ān dan Sunnah), mereka cuba menyelesaikan persoalan itu dengan pendapat mereka. Para sahabat menyampaikan *ijtihad* mereka mengenai suatu perkara sehingga pernyataan mereka menjadi pegangan dan sandaran di masa kemudian. Hal ini kerana mereka adalah orang yang paling dekat dengan masa lampu kenabian dan mereka tahu jalan-jalan dan sumber-sumber *tasyrī'*.

Dalam hal ini *Ijtihad* memainkan peranan penting selepas wafatnya Nabi ﷺ, dan kadang kala apa yang telah diijtihadkan sahabat sudah ada hukumnya dari Nabi ﷺ yang menyetujuinya, hanya sahaja hukum yang datang dari Nabi itu belum sampai kepada sahabat, maka apa yang datang dari Nabi menjadi penguat daripada ijtihadnya sahabat. Kadang-kadang ada *hadīth* lain yang muncul dan bertentangan dengan pendapat para *ṣahābah*, dan *ṣahābah* pun mengubah pendapatnya dan mengambil *hadīth* yang ada. Terkadang *hadīth* telah terbukti tetapi mereka berbeza dalam menetapkan alasan hukumnya, seperti apa yang diriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ, berdiri untuk jenazah, maka mereka berbeza dalam penjelasan tentang alasan Beliau berdiri. Sebahagian daripada sahabat mengatakan bahawa Beliau berdiri untuk menghormati para malaikat yang menaungi mayat, maka berdirinya beliau itu hukumnya umum untuk mayat muslim atau kafir. Dan sebahagian mereka mengatakan bahawa Beliau berdiri kerana mayat itu adalah mayat orang yahudi, maka beliau tidak suka kalau mayat orang yahudi itu lebih tinggi daripada kepalanya, dan hukum berdirinya Beliau disitu khusus untuk mayat kafir sahaja (Aḥmad Amīn 2012).

Kemudian terjadi pula perbezaan pendapat para *ulamā'* dan *fuqahā'* setelah generasi sahabat, yang pada hakikatnya bahawa para *ulamā'* tak mungkin lepas dari berijtihad, baik itu *ulamā'*-*ulamā' ahl al-ra'yī* ataupun para *ulamā' ahl al-hadīth*. Keadaan mereka memaksa berbuat demikian, dan kerana kemajuan dan perkembangan masa setiap hari mewujudkan keadaan baru yang memerlukan fatwa dari para *ulamā'*.

Di dalam masalah *furū'*, orang-orang pada masa *ṣahābah*, dan *tābi'īn* serta *tābi' tābi'īn* tidaklah memiliki suatu madhhab. maka para *ulamā'* berusaha untuk mendapatkan keputusan dengan *ijtihad* mereka dalam menentukan hukum *sharī'ah*, sedangkan mereka yang tidak ahli *ijtihad* atau orang awam bertanya kepada para *ulamā'* mereka tentang perkara yang mereka tidak tahu, dan tidak bermadhhab dan tidak terikat dengan seorang *ulamā'* tertentu (al-Shawkānī 1250).

Oleh itu, umat Islam sepanjang tiga abad pertama tidak mengetahui Ta'asub al-Madhhab sehingga keadaan berubah pada abad keempat dan seterusnya, di mana kehidupan bermadhhab meluas dalam kalangan umat Islam, dan diikuti dengan sikap fanatik *madhhab* yang yang tersebar luas (Khālid Kabīr 2008).

## Penyebab-penyebab Terjadinya *Taa'sub al-Madhhab*

Fanatik *madhhab* mempunyai sebab yang berkaitan dengan individu dan masyarakat, seperti pendidikan yang kurang baik dan peraturan adat dan tradisi yang menjadi alasan yang kuat terwujudnya sikap fanatik dalam masyarakat dan individu.

Dr. Khālid Kabīr menjelaskan bahawa antara penyebab fanatik *madhhab* dalam bukunya "fanatik *madhhab* dalam Sejarah Islam" kepada dua bahagian. Dia menjelaskan apa yang disebutnya sebagai penyebab asas, dan apa yang disebutnya faktor tambahan yang terhasil dari sebab-sebab asas (Khālid Kabīr 2008). Dalam topik ini, pengkaji menyebut beberapa sebab yang disebut oleh Dr. Khālid ditambah dengan sebab-sebab lain yang ditemui semasa pengkajiannya.

### Penyebab-penyebab Asas

Yang pertama: Kegagalan sepenuhnya dalam mematuhi *Sharī'ah* Islam pada tahap perasaan, tingkah laku, dan idea-idea.

Golongan yang jatuh ke dalam sikap fanatisme kebanyakan mereka tidak mematuhi undang-undang Islam dan menyimpang daripadanya, seperti penyimpangan *Syī'ah* dalam menghina para *ṣahābah*, yang mana mereka juga dikenali sebagai *al-rāfiḍah* kerana penolakan mereka terhadap para *ṣahābah* Nabi Muhammad ﷺ dan yang mengangkat mereka sebagai *khalīfah*.

Sikap fanatisme mereka yang menyebabkan mereka melakukan perbuatan dan kejahatan yang serius ini, sehingga menjadikan mereka mencaci dan menghina para *ṣahābah* Nabi ﷺ, sebagaimana yang terjadi di masa kekuasaan *al-'Uбайдī* di Mesir dan Maghribī. Di Mesir, mereka secara terang-terangan menghina para *ṣahābah* sehingga agen-agen negara itu menyeru orang-orang supaya mereka yang mengutuk dan menghina para *ṣahābah* Nabi Muhammad SAW, mendapat ganjaran kewangan dan hadiah (Khālid Kabīr 2008). Di negeri bahagian maghrib mereka menghina para *ṣahābah* Nabi siang dan malam dan malahan mereka menghina Nabi ﷺ. Sehingga diantara mereka menggantungkan kepala-kepala keldai dan kambing ditempat-tempat jualan dan menuliskan padanya bahawa itu adalah kepala para *ṣahābah*. Dan begitu juga dengan penyelewengan *Khawārij*, mereka mengkafirkan para pelaku dosa-dosa besar, dan penyimpangan *Mu'tazilah* dalam kepercayaan mereka bahawa pelaku dosa-dosa besar berada dalam kedudukan antara imān dan kekafiran, atau apa yang masyhur dengan sebutan "*bainā manzilatain*" (Ahmad Nahrāwī 1988) dan mereka mengatakan bahawa *Al-Qur'ān* adalah makhluk.

Kedua, sifat atau tabi'at kelompok yang menyimpang dalam keyakinan dan ucapan. Sifat setiap kelompok berbeza antara satu sama lain, kelompok-kelompok yang menyimpang kebanyakannya adalah akidah mereka *bātil* dan ekstrem, yang menimbulkan fanatisme buta, keterlaluan dan *ta'asub* melampau, sebagaimana yang telah pengkaji sebutkan sebelum ini, seperti penyimpangan kaum *Syī'ah*, *Mu'tazilah* dan *Khawārij*, dan penyebabnya yang paling kuat adalah sikap fanatisme buta mereka.

Ketiga, reaksi pengikut *madhhab* dalam perbincangan mereka dengan *madhhab* yang mereka ikuti.

Secara semulajadinya, para pengikut madhhab berkeinginan membela dan menyokong madhhab mereka. Walau bagaimanapun, setiap mereka berbeza dalam melakukannya, bagi mereka yang mempunyai tindak balas yang baik dan berdasarkan prinsip yang sah maka tindak balas mereka adalah berdasarkan tindakan yang sah dan ini sering membawa mereka menyokong yang benar. Adapun mereka yang mempunyai tindak balas yang jahat berdasarkan prinsip-prinsip yang tidak benar dan menyimpang maka tindak balas mereka berdasarkan tindakan yang melanggar undang-undang. Biasanya selalu mengajak mereka ke dalam sifat fanatik yang buta dan menyokong kebatilan.

## Faktor-faktor Penyokong Fanatik Madhhab yang Dihasilkan dari Sebab-sebab Asas

Faktor-faktor ini menyumbang kepada penyebaran, perkembangan dan kekuatan fanatik madhhab. Walau bagaimanapun, fanatik madhhab mempunyai aspek-aspek positif yang kita tidak boleh menafikan, antara aspek positifnya iaitu, mendorong para pengikut untuk berjuang dan berusaha secara berterusan menyampaikan pandangan-pandangan madhhab mereka sehingga menghasilkan banyaknya karya ilmiah di dalam madhhab tersebut. Setiap madhhab mempunyai kekayaan dalam bidang kajian ilmiah yang sangat besar dan buku-buku biografi *ulamā'* - *ulamā'* madhhab dan *tabaqāt*nya. Oleh itu, dengan adanya hal ini para *ulamā'* berusaha untuk memecahkan belenggu fanatik agama dan ikatan-ikatannya, seperti Ibn Hazm al-Andalūsī, Abū Shamah al-Maqdisī, Syeikh al-Islām Ibn Taymiyyah al-Harrānī, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, dan *Imām* Muhammad ibn 'Alī al-Shawkānī. Selanjutnya, meskipun fanatik madhhab memiliki sisi positif, sisi negatifnya jauh lebih besar dan bahkan lebih berbahaya bagi negara dan rakyat. antara hal-hal negatif itu adalah sebagai berikut.

- a. Peranan dan sikap negatif yang dimunculkan oleh para ulama fanatik yang memberi kesan kepada masyarakat awam sehingga mereka menjadi fanatik.
- b. Sikap negatif para khalīfah, raja dan pembantu mereka dalam menangani fenomena fanatisme madhhab sehingga menyebabkan fanatik madhhab semakin berkembang.
- c. Para *dā'ī* yang bersikap fanatik, sehingga menyebabkan sikap fanatik menjadi meluas.
- d. Orang awam yang bermadhhab dan membuat pembelaan yang sangat besar terhadap madhhab pilihannya sehingga menyebabkan fanatisme semakin berkembang dengan cepat.
- e. Tersebarnya *ḥadīth* - *ḥadīth* yang lemah dan palsu yang membela masing-masing madhhab
- f. Banyaknya permasalahan fiqh dan usul dikalangan madhhab yang masih didebatkan dan belum selesai.
- g. Para pengikut madhhab banyak yang melanggar perkataan *Imām* madhhab mereka.
- h. Peranan negatif badan kehakiman semasa era Islam dalam mengurus pemahamannya dan sikap tidak bertolak ansur mereka terhadap madhhab yang lain

## Hukum Fanatik *Madhhab* di kalangan Para *Ulama*'

Pengkaji di sini hanya menyebutkan *fatwā* dua ulama kontemporer; Sheikh Dr. Sāleh bin Fawzān Al-Fawzān dan Sheikh Dr. Yūsuf al-Qardāwī dalam masalah hukum fanatik madhhab.

Pertama, Sheikh Dr. Yūsuf al-Qardāwī, semoga Tuhan Yang Maha Kuasa memeliharanya, mempunyai buku "Fatwa Kontemporer", di mana dia menyatakan bahawa salah satu aliran *fatwānya* ialah ketiadaan *taqlīd* buta atau fanatik madhhab. Syekh, semoga Allah melindunginya, berkata: Saya tidak meredai diri saya dengan salah satu daripada dua sifat, iaitu fanatik madhhab dan *taqlīd*. Walaupun demikian kami tetap penuh penghormatan untuk *imām* dan para *fuqahā'* kami. Tidak *taqlīd* kepada mereka bukan bermaksud mengecilkan urusan mereka, melainkan mengikuti jalan dan melaksanakan wasiat mereka dengan tidak *taqlīd* kepada mereka atau *taqlīd* kepada orang selain mereka, dan mengambil dari mana mereka mengambil. Kedudukan ini tidak mengharuskan seorang *ulamā'* muslim bahawa mereka telah mencapai maqam *ijtihād* yang mutlak sebagaimana para *imām* terdahulu, walaupun ini tidak dilarang oleh hukum Islam (al-Qardāwī 2000), ini menunjukkan bahawa fanatisme madhhab merupakan perkara yang tidak beliau benarkan.

Kedua, Sheikh Sāleh bin Fawzān al-Fawzān, seorang anggota Majlis Ulama di Kerajaan Arab Saudi, ditanya tentang keputusan beliau mengenai fanatik madhhab. Apakah dibenarkan bagi seseorang untuk bersifat fanatik madhhab disegala urusan hukum di dalam syariat walaupun melanggar sesuatu yang benar?. Adakah dibenarkan bagi seseorang untuk meninggalkan sebahagian pendapat dan mengikuti pendapat yang betul dalam beberapa hal? Apakah hukum mengikuti satu madhhab sahaja?

Syeikh menjawab bahawa orang yang mempunyai kemampuan untuk berijtihad secara mutlak tidak dibenarkan baginya bertaqlid. Manakala orang yang tidak mempunyai kemampuan untuk berijtihad maka ia boleh bertaqlid kepada ulama dan bermadhhab dengan salah satu madhhab yang empat yang sudah dikenal yang sampai pada saat ini masih ada dan terjaga dan telah dituliskan untuk kaum muslimin. Bermadhhab dengan salahsatunya hukumnya tidak dilarang. Seperti disebutkan bahwa si fulan bermadhhab Syāfi'ī, dan si fulan bermadhhab Ḥambalī, dan si fulan bermadhhab hanafi, dan si fulan bermadhhab Mālikī, hal ini sudah ada dan telah dilakukan oleh para ulama semenjak dahulu, seperti ulama-ulama besar: Ibn Taimiyyah al-Ḥambalī, Ibn al-Qayyim al-Ḥambalī, dan lain-lain. Maka hal ini dibenarkan dengan syarat ia tidak terikat dengan madhhabnya, dengan maksud ia mengambil semua yang berasal dari madhhabnya baik yang salah ataupun yang benar. Akan tetapi ia hanya dibenarkan untuknya mengambil yang benar sahaja, adapun perkara yang dia ketahui bahawa itu salah maka ia tak boleh mengambilnya, dan apabila telah jelas baginya perkataan yang benar dengan *dalīl* yang *ṣahīh*, maka wajib baginya untuk berpegang teguh dengannya, sama sahaja apakah perkataan itu berasal dari madhhabnya ataupun dari madhhab yang lain, karena orang yang sudah jelas baginya kebenaran dari sunnah Rasulullah ﷺ maka tak boleh lagi baginya mencari perkataan yang lain.

Orang yang pertama sekali menjadi qudwah adalah Nabi ﷺ. Kita bermadhhab selama tidak bertentangan dengan perkataan Rasulullah ﷺ. Jika bertentangan maka wajib bagi kita meninggalkannya dan mengambil sunnahnya. Kita juga mengambil perkataan yang kuat yang sesuai dengan sunnah beliau dari madhhab manapun jua, adapun orang yang mengambil seluruh perkataan *Imām* secara mutlak maka baik yang benar ataupun yang salah maka itu termasuk

*taqlīd* buta, dan jika ia berkeyakinan wajib *bertaqlīd* kepada orang tertentu selain Rasulullah ﷺ. Maka ini termasuk *riddah* dari Islam. Syaikh al-Islām Ibn Taimiyyah mengatakan bahawa sesiapa yang mengatakan wajib *bertaqlīd* kepada seseorang selain Rasulullah ﷺ maka orang itu diminta bertaubat, jika dia tidak mau bertaubat maka hukumnya dibunuh. Hal ini kerana tidak satupun yang wajib diikuti kecuali Rasulullah ﷺ. Adapun orang yang selain beliau daripada para '*ulamā*' maka kita ambil perkataan mereka yang sesuai dengan sunnah beliau, namun jika dia tersalah maka tidak boleh bagi kita mengambilnya.

## Contoh-Contoh Nyata Tentang Pengaruh Fanatik Madhhab Pada Akhlak Orang-Orang Awam

Sesungguhnya Fanatik madhhab mempengaruhi akhlak orang awam dan reaksi mereka dengan bentuk yang berbeza-beza, antaranya:

### Sikap Saling Membanggakan antara Imām dan Madhhab Masing-masing

Antara perkara yang menimpa orang awam ialah sikap membangga-banggakan antara imam-imam mereka dan madhhab mereka. Berbeza halnya dengan para imām mereka yang saling menyayangi, menghormati, dan memuliakan antara satu dengan yang lainnya. Imām Al-Syāfi'ī rahimahullah berkata tentang *Imām* Mālik: "Jika datang pembahasan tentang atsar maka imām Mālik adalah bintangnya" (Ahmad Nahrāwī 1988).

Beliau juga berkata tentang *Imām* Abū Hanīfah bahawa Sesiapa yang mahu mendalami ilmu fiqh maka *Imām* Abū Hanīfah adalah lautannya.. dan Dia berkata: Telah ditanyakan kepada *Imām* Mālik, Pernahkah kamu melihat Abū Hanīfah? Dia berkata: "Ya, saya nampak seorang lelaki, jika saya berbicara dengannya tentang tiang ini terbuat dari emas, nescaya dia akan boleh meyakinkan hal itu dengan hujahnya" (Ibn Khalkan 1968), dan masih banyak lagi pujian dan sanjungan antara sesama mereka.

Tetapi perkara itu berubah dalam kalangan orang awam atau orang yang sudah sangat fanatik selepas generasi para *imām* tersebut. Sifat fanatik terhadap madhhab para *imām* mereka tidak membuat moral dan akhlak mereka seperti moral dan akhlak orang-orang hebat ini. Mereka lebih condong antara berlaku berlebihan, lalai, dan bahkan melampaui batas.

Berikut ini adalah contoh-contoh sikap mereka: Sebahagian dari pengikut madhhab Ḥanafī membuat *ḥadīth* yang dikaitkan dengan Rasulullah ﷺ, yang berkata: Selepas saya nanti akan ada seorang lelaki yang dipanggil Nukmān bin Thābit, yang dipanggil Abū Hanīfah, ia akan menghidupkan kembali agama Allah dan Sunnahku di tangannya. Dalam *ḥadīth* yang lain: "Akan ada diantara ummatku seorang lelaki bernama Muhammad bin Idrīs yang lebih merusak bagi ummatku dibandingkan Syaitān, dan akan ada seorang lelaki diantara ummatku yang namanya Abū Hanīfah, dia adalah lampu penerang ummatku" (Muhammad 'Ajaj 1993). Lihat bagaimana mereka mengangkat martabat salah seorang *Imām* dan menjatuhkan martabat yang lain.

Sekiranya *Imām-Imām* mereka masih hidup, mereka akan menafikan tindakan sedemikian, kerana mereka tidak pernah mengajar pengikut mereka sampai ta'asub ke tahap

seperti ini. Mereka tidak pernah mewajibkan kepada pengikut mereka untuk mengambil seluruh pendapat mereka salah ataupun benar. Mereka tidak akan pernah membenarkan mana-mana daripada mereka untuk merendahkan keperibadian para *Imām* yang lain.

## **Ghulūw dan Berlebihan dalam Memuliakan Para *Imām* dan Meninggikan Mereka Melebihi Martabat Mereka**

Ahli sejarah Abū shāmah yang wafat pada tahun 665 H. Menyebutkan Bahawa para pengikut madhhab Syāfi'ī pada zamannya bersikap fanatik terhadap buku-buku Abū Hamīd Al-Ghazzālī dan Abū Ishāq Al-Shīrāzī, walaupun jika ada di dalamnya yang bertentangan dengan *ḥadīth* yang *ṣahīḥ* (Abū shāmah 1403).

Sebahagian daripada mereka mengangkat dan memuji *Imām* mereka melebihi hadnya. Antaranya, sebagaimana yang terjadi dengan al-faqīh Mas'ār bin Kiddām, yang meninggal pada tahun 155 H, dia berkata: Saya telah menjadikan Abū Hanīfah sebagai hujjah antara saya dan Allah Yang Maha Kuasa (Kartashī 775). Ucapannya ini mengandung semacam sikap ghuluw dan keterlaluan kerana tidak ada hujjah antara Allah dan hambaNya kecuali kitab-Nya, dan Sunnah Rasul-Nya ﷺ. Adapun para *Imām* adalah manusia biasa yang mungkin benar ijtihādnya dan mungkin juga salah walaupun keilmuan mereka tinggi.

## **Membakar Buku-buku Orang yang Menyelisih Madhhab Mereka**

Ada tindakan-tindakan yang jauh dari kebijaksanaan dan kemaslahatan, antaranya pembakaran buku-buku yang bertentangan dengan pendapat madhhab mereka, sebagai usaha untuk menyokong kelompok dan madhhab mereka. Kejadian ini berlaku berulang kali di zaman peradaban Islam seperti yang terjadi pada buku-buku Ibn Hazm al-Andalūsī . Para *ulamā'* Mālikī di Andalusia membakar buku-bukunya secara terang-terangan kerana perselisihan yang terjadi antara mereka. Ibnu hazm berkata: “Jika mereka membakar helaian kertas-kertas, mereka tidak mungkin membakar apa yang tertulis di dalam helaian kertas-kertas, kerana apa yang tertulis itu ada dalam dada saya” (Ibn Hajr 1986).

Begitu juga dengan apa yang terjadi pada buku-buku *Imām* Abū Hamīd Al-Ghazzālī pada zaman dinasti Al-Murābitīn di Maghribī. Sultān 'Alī bin Yūsuf bin Tashfīn memerintahkan pembakaran buku *Imām* Abū Hamīd Al-Ghazzālī , dan mengancam untuk merampas dan menahan seluruh atau sebahagian harta setiap orang yang memiliki buku-buku karya beliau (Ibn al-Imād 1989).

Syeikh al-Uthaimīn rahimahullah menyatakan dalam muqaddimah bukunya Sharh al-Nawāwī bahawa beberapa orang belakangan ini telah melakukan perbuatan yang menyesatkan, mereka mencelanya (Imām al-Nawāwī) dengan celaan yang keji, sehingga saya pernah dimaklumkan bahawa beberapa dari mereka berkata: Penjelasan atau syarah Imām al-Nawāwī terhadap *Ṣahīḥ* Muslim mesti wajib dibakar. Kita meminta kepada Allah SWT untuk ampunan-Nya. Adapun Imām al-Nawāwī kami bersaksi bahawa ia menurut keilmuan kami bahawa ia adalah ulama diketahui kesolehannya. Dia termasuk *ulamā'* mujtahid. Setiap para *ulamā'* mujtahid tentu ada benar dan ada salah. Jika ia tersalah maka ia mendapatkan satu pahala dan

jika ia benar dia akan mendapat dua ganjaran pahala. Ia telah menulis banyak karya terbaik. Salah satu diantaranya adalah bukunya Syarah Arba'īn al-Nawāwī (al-Uthaimīn 2004).

Kalaulah seandainya sikap setiap orang yang berselisih pendapat seperti apa yang ditunjukkan oleh Sheikh Uthaimīn. Ia memberikan kesaksiannya terhadap Imām al-Nawāwī tentang kesolehannya, tidak bersikap fanatik madhhab, tidak melakukan seperti apa yang terjadi pada masa lalu dengan membakar buku-buku para *ulamā'* atau perilaku lain yang jauh dari kebijaksanaan dan kemashlahatan, tentu itu akan lebih baik dan lebih hikmah kepada umat Islam seluruhnya.

## Membuat Riwayat-riwayat Palsu dan Penyimpangan Berita

Fanatik madhhab adalah penyebab yang kuat dalam pembuatan riwayat-riwayat palsu dan penyimpangan berita. Seorang faqīh yang bernama Asbā bin Khalīl Al-Qurtubī al-Mālikī, yang meninggal pada tahun 272 H., sangat fanatik terhadap madhhab Mālikī, sehingga ia berani membuat *ḥadīth* yang berkaitan tentang meninggalkan mengangkat tangan ketika rukū' dan bangkit darinya. namun, orang ramai berjaya menyingkap perbuatannya itu (Ibn Ḥajr 1986).

Saksi yang lain, Al-Ḥāfiz Abū Bishr Al-Daulabī, yang meninggal pada tahun 310 H, adalah seorang Ḥanafī yang sangat fanatik terhadap madhhabnya. Ia meriwayatkan *ḥadīth* tentang tertawa terbahak-bahak yang sanadnya tidak sahih, maka dia pun mensahihkannya karena Imām Abū Ḥanīfah termasuk perawinya, yakni: Imām Abū Ḥanīfah telah meriwayatkan dari manshūr bin Zazan, dari al-Majlisī, dari ma'bad al-Juhanī, dari Rasulullah ﷺ. Kesalahan yang terdapat dalam periwayatan ini adalah bahawa ad-Daulabī mengatakan: bahwa Ma'bad al-Juhanī ini adalah Ma'bad Bin Hauza yang disebutkan oleh Al-Bukhārī dalam sejarahnya, tetapi ini tidak benar kerana Ma'bad Bin Hauza adalah *ṣahābah Anṣār*, dan ia tidak berasal dari *qabīlah Juhaniyyah*, sedangkan Ma'bad al-Juhanī adalah seorang *tābi'īn* dan beliau bukanlah seorang *ṣahābah*, maka bagaimana boleh ia meriwayatkan *ḥadīth* dari Nabi ﷺ (Ibnu Ḥajr 1986).

## Mendirikan Masjid-masjid Kelompok

Mungkin kita mendengar hari ini bahawa sekumpulan orang menyeru untuk membina masjid, terutamanya untuk kelompok atau *madhhab* mereka, supaya mereka dapat menunjukkan dan memperluas ajaran kelompok dan *madhhab* mereka, dan perkara seperti ini bukanlah sesuatu yang baru. Sebaliknya, ia telah muncul sejak berabad-abad yang lalu. Salah satu manifestasi material fanatisme *madhhab* adalah kewujudan masjid-masjid kelompok dan *madhhab*.

Terdapat banyak bukti mengenai perkara ini, antaranya, masjid-masjid di Damsyik terpisah-pisah dikalangan golongan *Sunnī*. Kebanyakan masjid yang berada di dalam pagar adalah masjid kepunyaan madhhab Syāfi'ī, Ḥanafī dan Mālikī. Manakala kebanyakan masjid – masjid yang berada diluar pagar pulak adalah masjid kepunyaan madhhab Ḥambalī (Yūsuf 1943). Di kota Moro di negeri Khurāsān, terdapat dua masjid yang dipisahkan oleh dinding atau pagar, satu kepunyaan *madhhab* Syāfi'ī dan yang lain kepunyaan Ḥanafī. Seperti itulah halnya di dua kota Baghdād dan Harrān (Yaqūt al-Hamawī 1995).

Selain itu, terdapat beberapa mihrab di dalam satu masjid, sesuai jumlah *madhhab* atau kelompok yang ada. Setiap *madhhab* akan solat di mihrabnya masing-masing dan tidak solat di

mihrab yang lain. Sebagaimana dahulunya di masjid al-harām mekkah terdapat lima mihrab untuk solat untuk madhhab Syāfi'ī, Hanafī, Mālikī, dan Ḥambalī dan juga *Syī'ah* (Ibn Jubayr 1988). Masjid Al-Aqsā dahulunya juga terbagi-bagi kepada empat madhhab Sunnī, dan masing-masing mempunyai mihrab di mana mereka solat sesuai dengan *madhhab* masing-masing dan membuat kajian-kajian ilmiah di sana (Abū Yaman 1968).

Begitu juga di Damsyik, dahulunya Masjid Jāmi' Umawī mempunyai empat mihrab di dalamnya ('Abd al-Qādir 1990). Mihrab ini masih ada hingga hari ini, tetapi hanya satu yang masih digunakan untuk solat disana. Fakta ini menunjukkan apa yang terjadi pada hari ini dikalangan orang-orang yang fanatisme adalah sejarah yang terulang kembali.

## Saling Mengkafirkan antara Madhhab

Perbuatan mengkafirkan, membid'ahkan, dan memfasikkan bukanlah perkara kecil dalam *sharī'ah* Islam. Perbuatan ini perlu mempunyai *dhawābit* dan syarat-syarat yang mencukupi untuk menghakimi seseorang sehingga untuk menghukumi salah satu diantara sifat yang diatas mestilah melalui proses yang sangat ketat dalam memberikan keputusan hukum. Akan tetapi pada masa kini, kita mendengar banyak orang yang terlalu cepat dalam menghakimi kaum muslimin dengan kata-kata *fāsiq*, *bid'ah*, dan *kafir*. Kadang kala, hal itu dilakukan oleh orang awam yang baru belajar dan mengenal agama selama sebulan atau dua bulan sahaja. Kata-kata itu sangat mudah keluar dari lisannya, padahal perkara mengkafirkan, membid'ahkan, dan memfasikkan itu amatlah besar disisi Allah SWT.

Mungkin kata-kata seperti ini mengalir dengan mudah daripada lisan orang awam. Apabila mereka mendengar ucapan yang tidak sesuai dengan ucapan ustaz-ustaz atau syeikh-syeikh mereka, maka mereka berkata: Orang ini telah mengucapkan kata-kata yang tidak benar, orang ini pelaku *bid'ah*, orang ini bicara tanpa ilmu. Apabila ia dengar ustaznya mengkritik orang lain maka dia akan mengikutinya tanpa keraguan. Dia mulai berkata-kata dan menghukum: Orang ini tidak termasuk ahli sunnah, orang ini tidak termasuk ahli *işlah* atau orang ini tidak termasuk orang baik, dan orang ini termasuk *dā'ī* yang mengajak kepada fitnah, sehingga tidak tertinggal orang yang berilmu kecuali dia akan mengkritiknya. Kebanyakan orang-orang yang seperti ini tidak memiliki keahlian dalam ilmu agama dan tidak pula memahami ilmu bahasa Arab dengan baik. Mustahil dia mampu menguasainya sedangkan dia hanyalah baru mempelajari ilmu asas agama dan sekarang dia sudah mula berbicara soal hukum hakam agama, dan mula menghakimi orang lain dengan apa-apa yang dia dengar sahaja, seolah-olah dia telah menjadi bahagian daripada *ulamā' al-Jarh wa al-Ta'dīl*.

Melihat di lembaran-lembaran sejarah, didapati bahawa perkara ini sudah terjadi semenjak sekian lama dan lebih teruk daripada realiti hari ini. contoh-contoh yang terjadi tentang perkara ini, antaranya, apa yang berlaku pada seorang ahli kalam yang bernama Najm al-Dīn al-Khubushanī al-Ash'arī yang meninggal dunia pada tahun 587 H dan pengikut madhhab Ḥambalī dan ahli *ḥadīth* di Mesir berupa konflik dan perselisihan. Ia telah mengkafirkan mereka dan mereka pun telah mengkafirkannya. Ia yang membongkar kuburan seorang ahli *ḥadīth* yang bernama Ibn al-Kīzānī al-Masrī yang dikebumikan di sebelah makam Imām al-Syāfi'ī, ia berkata: "Sungguh tidak sesuai Seorang zindik dan yang siddik dikumpulkan disatu tempat perkuburan" (Ibn Tagharī 874).

Apa yang berlaku kepada Al-Hāfiz Abdul-Ghānī Al-Maqdisī Al-Hambalī, yang meninggal pada tahun 600 Hijrah, ketika beliau menunjukkan pendapatnya dalam masalah sifat-sifat Allah SWT, sekumpulan orang-orang Ash'arī mengingkarinya, dan mengadukan dirinya kepada Gobelar Damaskus waktu itu. Kemudian, orang-orang Ash'arī ini membantah tentang pendapatnya. Namun, ia tetap mengatakan apa yang dia telah katakan sehingga ia pun dikafirkan dan dituduh ahli bid'ah (az-Zahabī 1985).

Apa yang berlaku kepada Sheikh al-Islām Taqī al-Dīn ibn Taymiyyah, ketika dia menampakkan madhhabnya dalam masalah sifat-sifat Allah. Ia berpendapat sesuai dengan pendapat para generasi salaf dan ahli *ḥadīth*. Sekumpulan para pengikut madhhab Ash'arī pun menentanginya dan membawa perkara tersebut kepada Sultan. Perkara itu berakhir dengan keputusan *Qādī - Qādī* dari empat madhhab, kemudian ia diputuskan oleh *Qādī* yang bermadhhab Mālikī, yakni Ibn Makhluḥ dengan hukuman penjara. (al-Shawkānī 1250).

Contoh yang terakhir, apa yang terjadi pada pendakwah yang bernama Ibrāhīm Al-Halwānī Al-Shāfi'ī, yang meninggal pada tahun 780 H. Beliau memberi kajian di Masjid al-Azhar dengan menghuraikan kandungan Sahīh al-Bukhārī. Suatu hari seorang lelaki datang kepadanya dengan sebuah buku tentang manaqib (pujian) terhadap Imām al-Syāfi'ī. Lelaki itupun berkata kepadanya: Qādī Burhanuddin ibn Jamāah al-Syāfi'ī memerintahkanmu untuk membacakan buku ini kepada orang yang hadir. Beliau pun membacakannya. Antara hal yang beliau bacakan itu adalah tentang seseorang lelaki yang melihat Nabi ﷺ dalam mimpinya, dan Beliau sedang membaca ayat:

﴿فَإِنْ يَكْفُرْ بِهَا هَؤُلَاءِ فَقَدْ وَكَلْنَا بِهَا قَوْمًا لَيَسُوْنَ بِهَا بِكَافِرِينَ﴾

Maksudnya: jika orang-orang (*Quraisy*) itu mengingkarinya, maka kami akan menyerahkannya kepada kaum yang tidak mengingkarinya (*al-Qur'ān : Sūrah al-An'ām 6: 89*).

Ketika ia membaca potongan ayat yang berbunyi: (فَإِنْ يَكْفُرْ بِهَا هَؤُلَاءِ), beliau memberikan isyarat kepada Imām Abū Ḥanīfah dan para pengikutnya (dia mengkafirkan mereka). Seterusnya, ia mengisyaratkan pada potongan ayat setelahnya untuk Imām al-Syāfi'ī dan para pengikutnya sehingga para pengikut madhhab Ḥanafī mengadukannya kepada Qādī mereka, maka Dia dihukumi ta'zīr dan penjara (Ibn Ḥajr 1969).

Lihatlah bagaimana terjadinya perkara saling membid'ahkan dan mengkafirkan antara sesama madhhab sunni yang disebabkan oleh fanatisme madhhab. Bahkan sampai kepada perkara penggalian kubur Muslim. Ini adalah hal yang aneh, yang mana syari'at Islam tidak menghendakinya, walau apa pun alasannya.

Oleh itu perlu usaha mencari jalan positif yang baik untuk mengharmonikan konflik fanatik madhhab (Ahmad Najib 2019). Dan ilmu memainkan peranan penting dalam menyelesaikan setiap permasalahan yang timbul (Mohammad Anas 2019).

## Kesimpulan

Secara ringkasnya, pengkaji ingin dapat menarik beberapa hasil daripada artikel ini, antaranya:

- a. Bahaya fanatisme madhhab dalam kalangan orang awam yang menyebabkan banyak perpecahan dan fitnah dalam kalangan umat Islam. Hal ini membuat musuh-musuh islam sangat berbahagia untuk memecah belah barisan persatuan kaum muslimin.
- b. Sesungguhnya Fanatisme madhhab bukan sahaja larangan untuk orang awam, melainkan untuk semua golongan. Ia adalah sikap menolak kebenaran apabila telah jelas dalilnya. Ini membahayakan semua orang baik ulama ataupun orang biasa. Apabila hal ini tidak dilarang maka akan berlaku banyak kekacauan.
- c. Terkadang orang awam belajar suatu ilmu atau mereka mendengarkan 'ālim 'ulamā' menjelaskan sesuatu perkara dan menerangkan suatu kasalahan yang terjadi, akan tetapi mereka mungkin tidak belajar cara membetulkan atau meluruskan sesuatu yang salah itu dan bagaimana menghadapinya. Oleh itu, berlakulah berbagai macam kesalahpahaman dalam masyarakat disebabkan oleh keberanian sebahagian orang awam dalam menyampaikan yang benar namun dengan cara yang salah, dan tidak disampaikan dengan cara yang hikmah serta teladan yang baik.
- d. Bermadhhab dengan salahsatu diantara madhhab yang empat dikalangan 'ulamā' tidaklah masalah. Namun, jika bermadhhab diikuti dengan sikap fanatik madhhab maka disitulah berlaku larangan, sebab sikap fanatik madhhab hanya akan mendatangkan kekacauan.

## Rujukan

- 'Abd al-Hādī, Yūsuf. 1943. *Thimāru al-Maqāsid Fī Zikri al-Masājid*. al-Muhaqqiq: As'ad Ṭālas. Bayrūt: al-Mahd al-Faransī.
- 'Allāl, Khālīd Kabīr. 2008. *al-Ta'asub al-Madhhabī fī al-Tārīkh al-Islāmī*. Dār al-Muhtasīb, Abādī, Fairūz. 2005. *al-Qāmus al-Muhīf*. Bairūt. Dār šadr.
- Abū Shāmah. Abd al-Rahmān. 1403. *Mukhtasar al-Mu'āmmal fī al-Rad ilā al-Amr al-Awwal*. Salah al-Dīn Maqbūl Ahmad. Kuwait: Maktabah al-Shohwah al-Islāmiyyah.
- Abū Yaman, Mujiruddin. 1968. *al-Uns al-Jalīl bi Tārīkh al-Quds wa al-Khalīl*. Najf: al-Maṭba'iyah al-Haidariyyah wa Maktabatuha.
- Adi Suhara, 2016. *Pengaruh Fanatisme Madhhab Terhadap keberhasilan Dakwah*. Jurnal WARAQAT 1(1): 1-17.
- Ahmad, Khādir. 2017. *Fanatik Beragama dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia: Analisis Berdasarkan Pemahaman Terhadap Fiqh al-Hadīth*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Ahmad Najib Abdullah, Mahyudin Daud, Shukeri Mohamad, Mohd Muhiden Abd. Rahman, Mohd Alwee Yusoff, Mohd Bakhit Ali. 2019. *Fanatik Madhhab Di Malaysia: punca, Implikasi, Dan langkah Mengharmoni Menurut Pandangan Ilmuan Islam*. *Jurnal Penyelidikan Islam* 2(1): 12-26.

- al-Ghazhālī, Muhammad. 2005. *al-Ta'asub wa al-Tasāmuh Bayna al-Masihyyah wa al-Islām*. Mesir: Nahd'ah mesir.
- al-Hamawī. Yaqūt. Šihābu al-dīn Abū 'Abdullāh Yaqūt bin 'Abdullāh al-Rūmī. 1995. *Mu'jamu al-Buldān*. Bairūt: Dār Sadr.
- al-Mushārik. Ustāz al-Dawah. 2012. Bi Kulliyyah Ushūl al-Dīn, al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah Ghaza. *al-Ta'asub al-Fikri Wa Āthsaruhu Fi al-'Amal al-Islāmī al-Mu'asir*.
- al-Nu'aimi. 'Abd al-Qādir. 1990. *al-Dāris Fi Tārīkh al-Madāris*. al-muhaqqiq: Ibrāhīm Shams al-Dīn. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qardāwī. Yūsuf. 2000. *Fatāwa Mu'āsirah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmi.
- al-Shawkāni. Muhammad. al-Badr al-Ṭāli' Fī Mahāsīn Man Ba'd al-Qorn al-Sābi'. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- al-Subkī. 1992. *Ṭabaqāt al-Shafi'iyyah al-Kubra*. al-Jazīrah: Dār hajr.
- al-Ustaimīn. Muhammad. 2004. *Sharh al-Arba'īn al-Nawawiyyah*. Unaizah: Dār al-Sturoyya li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Alwasim. Arīf. 2018. Fanatisme madhhab dan implikasinya terhadap penafsiran al-Qur'an. *SYARIATI Jurnal Studi al-Quran dan Hukum* 4(1): 13-22.
- Amin. Ahmad. 2012. *Doha al-Islām*. al-Qahirah: Mu'assasah Hindāwi li al-Ta'līm wa al-tsaqāfah.
- al-Zahabi. Shamsuddin. 1985. *Siyar 'Alām al-Nubala'*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Haji. Haiwa. 2008. *al-Tijāhāt al-Ta'assubiyyah Baina al-Jamā'ah al-'Iraqiyyah*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Ibn al-Imād. 1989. *Shazarāt al-Zahb Fī Akhbāri Man Zahab*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Ibn al-Jawzī. Abu al-Faraj 'Abd al-Rahmān bin 'Alī bin Muhammad. 1358. *al-Muntazīm Fi Tārīkh al-Mulūk Wa Al-Umam*.
- Ibn Hajr, Ahmad bin Alī Abū al-Fadl al-Asqalānī al-Shāfi'ī. 1969. *Inbā' al-Ghumr Bi Abnā'i al-'Umr*. Ibn Hajar. Ahmad bin 'Alī Abū al-Fadl al-'Asqalānī al-Syāfi'ī. 1986. *Lisān al-Mīzaan*. Tahqīq: Dār al-Ma'rifah al-Nizāmyyah- al-hind. (Beirut. Muassasah al-'A'lami li al-Mathbū'āt. al-Jazāir: Mufam Li al-Nasr
- Ibn Jubayr. 1988. *Rihlah Ibn Jubayr*. al-Jazāir: Mufam Li al-Nasr.
- Ibn Kathīr. Abu al-Fida'. Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr al-Qurasī al-Basrī, Thumma al-Dimashqī. 2002. *al-Bidāyah Wa al-Nihāyah*. Bayrūt. Maktabat al-Ma'ārif.
- Ibn Khalkan, Abū al-'Abbas Shamsuddīn Ahmad bin Muhammad bin Ibrāhīm bin Abī Bakr Ibnu Khalakan al-Barmakī al-Irbīlī. 1968. *Wafayātu al-A'yān wa Anbāu Abnāi al-zamān*. al-muhaqqiq: Ihsan Abbas. Dār Śadīr.
- Ibn Tagharrī Baladī. 1874. *al-Nujūm al-Zahirah*. Mesir: al-Muassasah al-Mishriyyah al-'Ammah li al-kitāb.
- Ibrāhīm bin 'Abd Allah al-Mazrā. 2017. *al-Ta'asub al-Madhhabi wa Atsaaruhu*. Baytu al-Afkār al-Dawliyyah.
- Kartashi. 775H. *al-Jawāhīr al-Mud'iah fī Ṭhabaqat al-Hanafiyah*. Misr: Dār kutub Khān.
- Muhamad Ibrāhīm. 'Iyād Ahmad. 2016. *Asbāb al-Ta'assub al-Jamāhīr al-Riyād'i Wa 'Ilājuhu Ru'yatan Syar'iyyatan*. Riyād: al-Majallah al-'Arabiyyah Li al-Dirasāt al-Amaniyyah Wa al-Ādab.
- Muhammad 'Ajaj al-Khatīb. 1993. *al-Sunnah Qabl al-Tadwīn*. Mesir: Maktabat Wahbah.

Nahrawī. Ahmad. 1988. *al-Imām al-Syāfi'ī Fī Madhhabaihi al-Qadīm wa al-Jadīd*. Indonesia: Yayasan Al-Nahrawī.

Mohamad Yaakub, Mohamad Anas & Ruskam, Aminuddin (2019) Polemik amalan ibadah harian di Malaysia. *e-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)*, 2: 38-63.